

Abdullah senang hati semangat persefahaman tinggi komponen BN

Agihan kerusi dipersetujui

Uraian 5/8/2004 - 1, 4
Oleh AZNAN BAKAR, SAMSOR
JUNET dan ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 4 Mac — Barisan Nasional (BN) malam ini selesai mengagihkan kerusi di kalangan komponennya dalam semangat kerjasama dan persefahaman yang tinggi bagi memastikan parti itu mencatat kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau senang hati kerana tidak ada masalah yang dikemukakan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu terutama berkaitan agihan kerusi.

“Semua berjalan dengan baik, tidak ada desakan untuk buat perubahan akhir mengenai agihan kerusi dan desakan-desakan lain.

“Saya telah bersedia untuk yang lebih buruk tetapi ia tidak seburuk yang dijangka.

“Mereka cuma minta supaya ada perpaduan dan persefahaman yang tinggi di kalangan parti-parti dalam BN.


● Lagi laporan di muka 2, 3, 4 & 5

“Ia menunjukkan semangat persefahaman yang tinggi dalam BN. Tidak ada lagi perkara lain, semua persediaan berjalan lancar,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN diikuti dengan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Sebanyak 13 parti komponen BN berjaya mengagihkan sebanyak 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11 kali ini.

Parti-parti tersebut ialah UMNO, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), PBS, Parti Liberal Demokratik (LDP), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu



ABDULLAH AHMAD BADAWI dan Najib Tun Razak menunjukkan poster pilihan raya Barisan Nasional (BN) pada sidang akhbar selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang terakhir sebelum pilihan raya umum ke-11 diadakan, di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam. — Gambar ASWAD YAHYA

UM 5/3/2004 MS-4

Agihan kerusi dipersetujui

Sarawak (SUPP) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

Kedudukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) di dalam BN sehingga ini masih belum diputuskan selepas ia diisytiharkan tidak sah dan pendaftarannya dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 5 Disember lepas.

Kenyataan Abdullah itu turut disokong oleh pemimpin-pemimpin parti komponen yang menyifatkannya sebagai satu penyelesaian yang berasaskan kepada semangat setiakawan dan perpaduan dalam BN.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, beliau berpuas hati dengan proses agihan kerusi yang adil dan tidak menimbulkan masalah.

Ia turut dipersetujui oleh Presiden Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting yang menyifatkannya sebagai seimbang dan berdasarkan semangat perpaduan dalam BN.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu juga berpuas hati dengan pembahagian kerusi untuk partinya tetapi menyatakan senarai calon masih belum ditetapkan lagi dalam perjumpaan dengan Presiden BN hari ini.

Menurut Abdullah, semua pemimpin parti komponen itu berpegang kepada konsep BN tanpa dicemari sebarang perasaan tidak puas hati.

Katanya, begitu juga dengan pengagihan kawasan-kawasan baru ekoran persepadaanan semula kawasan pilihan raya, ia telah diagihkan dengan cara yang diterima baik oleh semua pihak.

"Semuanya sudah muktamad," tegas beliau sambil menambah Ibu Pejabat BN akan mengeluarkan surat rasmi esok kepada parti-parti komponen terbahit sebagai pengesahan kepada agihan itu.

Dalam UMNO sendiri, kata beliau, tidak ada sebarang desakan pada peringkat akhir penentuan kerusi tersebut kerana masing-masing memahami akan kepentingan parti.

Katanya, mereka menerima realiti bahawa ada kawasan yang majoriti pengundi Melayu terpaksa diserahkan kepada komponen lain atas semangat tersebut.

"Tidak ada satu pun kawasan pilihan raya yang mempunyai majoriti pengundi India. Mahu tidak mahu, MIC dan PPP (Parti Progresif Penduduk) terpaksa terima kawasan yang majoriti pengundi Melayu atau Cina," jelasnya.

Katanya, begitu juga dengan manifesto, tema dan kandungan telah dipersetujui oleh parti komponen dan akan diumumkan untuk dibaca dan difahami oleh rakyat.

Ditanya mengenai tema manifesto tersebut Abdullah berkata: "Nanti lah sat. Kita akan lancar."

Penamaan

Mengenai senarai calon, Abdullah berkata ia sedang diperhalusi dan akan diumumkan sebelum hari penamaan calon.

Sehubungan itu, beliau telah meminta para pemimpin parti komponen BN serta pengerusi perhubungan UMNO negeri supaya menghantar senarai calon kepadanya dalam tempoh tiga hari.

Ia bagi membolehkan beliau menghalusi senarai itu bagi memastikan tidak timbul perkara yang mungkin boleh menggagalkan calon seperti kes muflis dan jenayah.

Tetapi yang penting, kata beliau, mereka mesti boleh berkhidmat kepada rakyat yang diwakili dan berwibawa.

Abdullah turut melahirkan rasa lega kerana keputusan yang dibuatnya itu termasuk mengenai agihan kerusi dan senarai calon tidak sesukar seperti yang dijangkakan kerana kerjasama daripada semua pihak.